



Pelaksanaan Undang Di Mahkamah Syariah Melibatkan Orang Ketiga Dalam Rumahtangga

Implementation of Laws In Shari'a Court Involves Third Person In Household

Open Access

Nur Anis Nabilla Muhamad^{1,*}, Nurbazla Ismail¹

¹ Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

ABSTRACT

Perceraian merupakan isu sejagat yang sering berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Hal ini sekaligus menghancurkan keharmonian dalam sesebuah institusi keluarga. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya perceraian adalah kewujudan orang ketiga dalam rumah tangga. Apabila timbulnya pihak ketiga yang campur tangan, maka berlaku konflik dan permasalahan yang tidak dapat diselesaikan dan akhirnya memilih perceraian sebagai jalan terakhir. Namun, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 ada memperuntukkan berkaitan orang ketiga yang mengganggu keharmonian rumah tangga orang lain sehingga berlaku perceraian yang mana ianya boleh didakwa di mahkamah syariah jika sabit kesalahan. Menurut enakmen tersebut perbuatan mengganggu keharmonian rumah tangga orang lain adalah satu kesalahan jenayah. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah ingin melihat sejauh manakah pelaksanaan undang-undang Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dilaksanakan di mahkamah syariah di bawah peruntukan tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan menganalisis dokumen bagi mendapatkan kes-kes perceraian yang berkaitan campur tangan orang ketiga dan kajian kepustakaan dengan merujuk buku-buku ilmiah. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa tidak ada sebarang pelaksanaan undang-undang dan pendakwaan terhadap kesalahan di bawah peruntukan enakmen tersebut. Ini berdasarkan tiada sebarang kes yang telah direkodkan di mahkamah syariah. Implikasi daripada kajian ini memberi kesedaran kepada orang ketiga mahupun suami isteri itu sendiri bahawa wujudnya perundangan berkaitan orang ketiga.

Divorce is a universal issue that often occurs in society today. It also destroys harmony within a family institution. Among the factors that cause divorce is the existence of a third person in the household. In the event of a third party intervening, conflicts and unresolved issues arise and ultimately choose divorce as the last resort. However, the Syariah Criminal (State of Selangor) Enactment 1995 provides for third persons who interfere with the harmony of other people's marriages resulting in divorce which can be prosecuted in sharia court upon conviction. According to the enactment the act of interfering with the harmony of the household of another person is a criminal offense. In this regard, the objective of this study is to see to what extent the implementation of the Syariah Criminal Enactment (State of Selangor) Act 1995 is implemented in the syariah court under the provision. This study is qualitative by adopting a document analysis approach to obtain divorce cases related to third-party intervention and library studies by reference to scholarly books. The results of this study found that there was no law enforcement and prosecution of offenses under the provisions of the enactment. This is based on no cases that have been recorded in the syariah court. The implications of this study give awareness to the third person as well as the husband and wife themselves that there is legislation related to third parties.

Kata kunci:

Perceraian, orang ketiga, enakmen
jenayah syariah

Keywords:

Divorce, third person, sharia criminal
enactment

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

* Corresponding author.

E-mail address: anisnabilla631@yahoo.com (nur anis nabilla muhamad)

1. Pendahuluan

Dalam mengharungi kehidupan berumah tangga, suami isteri tidak akan dapat lari daripada menghadapi masalah dan kerumitan. Sama ada masalah itu kecil maupun besar pasti dihadapi bagi setiap pasangan yang telah berkahwin. Dalam mengharungi masalah rumah tangga, sebaik-baik jalan untuk menyelesaikan masalah adalah dengan mengetahui punca permasalahan tersebut [1]. Ekoran daripada itu, suami maupun isteri mempunyai strategi untuk menyelesaikan masalah tersebut sama ada dengan bersikap terbuka menerima kesalahan masing-masing atau pun menggunakan bantuan dari pihak lain seperti kaunseling dan sebagainya.

Apabila sudah melangkah ke alam berumah tangga, setiap pasangan sudah memahami peranan tanggungjawab dan hak masing-masing sebagaimana yang telah digariskan dalam Islam. Tanggungjawab merupakan perkara yang penting dalam sesebuah perkahwinan. Namun, hak dan tanggungjawab perlu berjalan seiring dan dilakukan dengan baik. Pengetahuan dan pemahaman dalam soal rumah tangga adalah penting kerana ia memberi kesan dalam pelaksanaan tanggungjawab perkahwinan yang telah diamanahkan [2].

Isu perceraian adalah masalah sejagat dan sering meniti di bibir-bibir masyarakat serta media massa. Ramai pengkaji terdahulu telah membuat kajian berkaitan faktor perceraian dan telah mengenalpasti pelbagai faktor, antaranya adalah campur tangan pihak ketiga [3]. Maka, jelas bahawa masalah orang ketiga ini bukanlah satu perkara baru, tetapi sebenarnya telah lama wujud.

Apabila munculnya orang ketiga dalam rumah tangga, pergolakan pasti berlaku antara pasangan suami isteri. Namun, menyembunyikan hubungan yang dibina menjadi keutamaan bagi pasangan yang menjerumuskan dirinya dengan pihak ketiga [4]. Contohnya, sama ada suami mempunyai kekasih baru atau isteri berhubungan dengan lelaki lain. Lama-kelamaan rahsia pasti terbongkar apabila pasangan mula merasa curiga dan akhirnya berlaku konflik yang berterusan, pengabaian tanggungjawab keluarga serta nafkah dan sebagainya.

Campur tangan dari pihak keluarga juga memainkan peranan dalam peningkatan statistik perceraian. Ini kerana, terdapat perkahwinan yang tidak disukai dan direstui oleh mertua, iri hati daripada ipar duai yang menghasut dan akhirnya termakan hasutan adik beradik dan berlakunya perceraian. Oleh itu, Islam menitikberatkan adab atau perhubungan akhlak antara anak dengan kedua ibu bapa atau antara suami dengan isteri. Dipentingkan juga ketaatan dalam kalangan anggota keluarga yang lain terhadap ketua keluarga. Ketaatan isteri terhadap suami, serta ketaatan anak-anak terhadap kedua ibu bapa mereka selagi suruhan atau larangan yang dibuat tidak bercanggah dengan syarak amat ditekankan dalam Islam [5].

Menurut Kamilia Ibrahim [5] isteri yang dicerai disebabkan oleh pihak ketiga yang mana bermaksud suaminya digoda oleh orang ketiga, boleh menyaman orang ketiga tersebut. Ini kerana perbuatan menggoda, menghasut suami atau isteri adalah perbuatan jenayah dan ianya membawa kepada berlakunya perceraian. Perkara ini merujuk kepada Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 dibawah seksyen 32, 33, dan 34 berdasarkan perbuatan orang ketiga. Tujuan peruntukan ini adalah untuk memelihara keharmonian ummah dengan harapan tidak berlakunya perpecahan sesebuah institusi rumah tangga. Tambahan pula, kerajaan memperkenalkan pelbagai dasar untuk mengurangkan kadar perceraian. Oleh yang demikian, jika masih terdapat kehadiran orang ketiga yang mengganggu keharmonian rumah tangga maka tiada guna peruntukan seperti ini digubal. Walau bagaimanapun, masyarakat masih tidak mengetahui kewujudan peruntukan itu dalam undang-undang negeri masing-masing.

Undang-undang jenayah syariah amat sesuai dalam menangani masalah penglibatan orang ketiga dalam rumah tangga [6]. Ini kerana berdasarkan seksyen-seksyen yang diwujudkan menepati dengan

permasalahan mengganggu ketenteraman dalam sesebuah keluarga. Setiap pasangan harus bijak menangani masalah, tambah-tambah lagi apabila berdepan dengan masalah terutamanya berkaitan dengan pihak keluarga mahupun orang luar. Kesetiaan dan keyakinan perlu disebatikan dalam diri supaya dapat membina jalinan kasih sayang antara keluarga. Namun, jika dilihat dalam keratan-keratan akhbar bahkan media massa banyak mempamerkan pergolakan rumah tangga yang akhirnya menuju ke ambang perceraian dan sebagainya. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat bahawa kewujudan peruntukan dalam undang-undang bagi menangani orang ketiga ini. Ini merupakan salah satu cara untuk menyelesaikan masalah dalam rumahtangga yang bergolak kerana wujudnya penglibatan orang ketiga.

2. Definisi Orang Ketiga Dalam Rumahtangga

Masa di zaman percintaan semuanya indah belaka dan sanggup melakukan apa sahaja yang terbaik bagi menawan hati pasangan. Pelbagai janji ditabur untuk setia, sehidup semati, menyayangi sampai hujung hayat dan sebagainya. Namun, apabila masuk ke alam berumahtangga semuanya bertukar, sifat dan tabiat pasangan tidak dapat diselindung dan muncullah watak yang sebenar. Ada sahaja yang tidak berkenan dihati, yang terlalu berbeza ketika zaman percintaan dahulunya.

Zaman era teknologi ini, sangat sulit untuk menemukan rumahtangga yang sunyi atau tidak dicampuri dengan orang lain. Orang lain yang dimaksudkan di sini adalah orang ketiga selepas suami dan isteri. Mahupun dari kaum kerabat yang terdekat atau yang jauh. Adapun campur tangan itu dari kedua-dua pihak keluarga dan mentua, jiran tetangga, atau pun sahabat daripada suami ataupun isteri. Kemunculan orang ketiga dalam rumahtangga adalah racun yang boleh membunuh secara senyap keharmonian yang terbina.

Menurut kamus dewan edisi kedua maksud orang tengah mempunyai dua maksud yang berbeza, yang pertama adalah perantaraan, penghubung, muncikari, ibu ayam, pelerai, pemisah. Kedua, orang yang bertindak menjadi pendamai, orang yang cuba menyelesaikan sesuatu pergaduhan, orang yang tidak menyebelahi mana-mana antara dua pihak, pengadil, wasit dan hakam.

Manakala, Musa Awang [10], mendefinisikan orang ketiga dalam rumahtangga boleh jadi sesiapa sahaja. Boleh jadi orang luar yang dikenali dan mungkin juga orang yang tidak dikenali. Maksudnya sesiapa sahaja boleh dikategorikan sebagai orang ketiga adapun kerabat terdekat mahupun saudara yang bau-bau bacang apatah lagi seseorang yang langsung tidak pernah dikenali.

Juani Munir Abu Bakar [9], pula mengatakan bahawa orang ketiga ini merujuk tindakan kepada sesiapa sahaja yang bertanggungjawab meruntuhkan sesebuah institusi rumahtangga. Seterusnya, Noor Aziah [12] mengkategorikan orang ketiga ini kepada kekasih gelap, ibubapa, mertua, keluarga serta orang ramai turut dikategorikan sebagai orang ketiga dalam rumahtangga. Al-Zuhaili [13] pula mengkategorikan orang ketiga dalam rumahtangga boleh dirujuk antara pasangan kekasih lelaki dan wanita, wanita dengan wanita lesbian (hubungan sesama jantina yang dimaksudkan sebagai musahaqah dan liwat) lelaki dengan lelaki gay (persetubuhan dubur sesama lelaki atau perempuan kecuali dubur isteri).

Selain itu, terdapat juga definisi orang ketiga yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor [8] iaitu seksyen 32, 33, dan 34. Berdasarkan seksyen 2 orang ketiga ditafsirkan dengan muncikari yang bermaksud seseorang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan atau seorang lelaki bagi apa-apa maksud yang menyalahi hukum syarak.

Oleh yang demikian itu, jika dilihat pendefinisan yang telah dibahaskan, orang ketiga dalam rumah tangga itu bukan sahaja dituju khusus untuk kekasih gelap atau sebagainya. Namun, secara umumnya maksud sebenar orang ketiga dalam rumahtangga adalah semua individu termasuk keluarga, sahabat dan masyarakat sekeliling. Secara kebiasaannya, mereka yang dikatakan orang

ketiga ini bertindak secara memujuk atau menggoda lelaki atau perempuan yang sudah berkahwin, menghalang pasangan suami atau isteri daripada hidup sebagai suami dan isteri yang sah, dan menghasut suami atau isteri supaya meninggalkan rumah tangga dan mengabaikan tanggungjawabnya sebagai suami atau isteri.

2.1 Hukum Berkaitan Orang Ketiga

Berdasarkan pendefinisan yang dijelaskan bahawa orang ketiga adalah orang tengah dalam sesuatu hubungan antara suami dan isteri. Namun, orang tengah tersebut mempunyai dua maksud yang beza. Maksudnya yang pertama adalah sebagai pencegah atau pendamai kepada sesuatu persengketaan yang dihadapi oleh suami isteri. Kedua, seseorang yang bertindak dengan perbuatan menghasut, mempengaruhi antara seorang perempuan dan seorang lelaki supaya berlaku ketidakharmonian dalam rumah tangga yang menyebabkan pertelingkahan dan perceraian. Oleh yang demikian, dari segi hukum juga terdapat perbezaan berdasarkan pendefinisan yang berbeza.

i) Orang ketiga sebagai hakam

Apabila berlaku pertelingkahan antara suami atau isteri, Islam menggalakkan melantik seorang hakam yang mana boleh memberi pendapat dalam pertelingkahan antara kedua suami isteri tersebut. Sebagaimana dalam surah An-Nisa' ayat 35 menyebut:-,

Firman Allah dalam Surah al-Nisa' ayat : 35.

وَإِنْ خَفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنَهُمَا فَابْعُثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ إِنْ يَرِيدَا إِصْلَاحًا يُوفِّقَ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِمَا خَيْرًا

“ Dan jika kamu bimbang akan ada persengketaan antara keduanya, maka kirimlah seorang hakam dari keluarga pihak laki-laki dan seorang hakam dari pihak perempuan. Jika kedua orang hakam itu bermaksud mengadakan perbaikan, maka nescaya Allah akan memberi taufiq kepada suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Teliti”.

(Surah An-Nisa' : 35)

Berdasarkan ayat ini Allah memerintahkan supaya dilantik hakam daripada kalangan keluarga pihak suami dan isteri untuk mengatasi syiqaq. Dan apabila ditelaah, landasan hukum yang membolehkan tahkim antara lain adalah berdasarkan ayat di atas. Apa yang dapat disimpulkan bahawa prinsip landasan hukumnya itu berisi ajaran untuk menyelesaikan perselisihan dengan jalan pendamaian.

Tujuan perlantikan hakam ini adalah membentuk dua objektif utama, yang pertama, alternative positif, iaitu mengembalikan hubungan baik antara suami isteri dalam rumah tangga. Kedua, alternative negative iaitu menyarankan kepada pasangan suami isteri untuk memutuskan hubungan perkahwinan kerana tidak ada kemungkinan untuk berbaik semula [2].

ii) Orang ketiga sebagai perosak dalam hubungan rumah tangga

Perbuatan memutuskan hubungan silaturrahim antara suami dan isteri bukan sahaja boleh dihukum di dunia berdasarkan hukum perundangan dunia, bahkan ia dikira melakukan maksiat yang besar dan sehingga mendapat laksat daripada Allah S.W.T. Sebagaimana maksud Firman Allah menyebut dalam Surah Muhammad ayat 22-23 :

فَهُلْ عَسِيتُمْ إِنْ تُولِيهِمْ أَنْ تَفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتَقْطِعُوا أَرْحَامَكُمْ () أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعْنَهُمُ اللَّهُ فَأَصْبَمَهُمْ وَأَعْمَى أَبْصَرَهُمْ () .

“Apakah sekiranya kamu berkuasa, kamu akan melakukan kerosakan di bumi dan memutuskan hubungan kekeluargaan?. Mereka itulah orang-orang yang dikutuk oleh Allah, lalu dibuat tuli (pendengarannya) dan dibutakan penglihatannya”.

(Surah Muhammad : 22-23)

Menurut tafsir Ibnu Kathir, ayat di atas berbentuk larangan untuk berbuat kerosakan di atas muka bumi secara umum dan larangan memutuskan tali kekerabatan secara khusus. Sebaliknya Allah memerintahkan untuk berbuat perbaikan dimuka bumi dan menyambung tali kekerabatan (silatur rahim) yakni berbuat baik terhadap kaum kerabat, baik dalam perkataan maupun perbuatan ataupun memberikan harta.

Sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan Jubair bin Muth'im daripada Nabi S.A.W bersabda bahawa,

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ (قَاطِعٌ رَحْمٌ)

“Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturahim”.

(Muslim, Shahih muslim, kitab al-Bir, silah wa al-Adab, Bab silahtulrahim wa tahrif qat'iatiha)

Merujuk kepada hadis di atas, orang yang bertindak memutuskan hubungan silaturahim antara sesiapa pun tidak akan masuk syurga disebabkan perbuatannya, apatah lagi memutuskan hubungan antara suami dan isteri. Islam sangat menitikberatkan hubungan silaturahim kerana melalui hubungan yang dibina akan melahirkan perasaan kasih dan sayang yang lahir dari jiwa yang suci tanpa wujud perasaan dendam.

Dalam sebuah hadis riwayat Abu Daud daripada Abu Hurairah r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda,

مَنْ خَبَبَ عَبْدًا عَلَى أَهْلِهِ فَلَيِسْ مَنًا ، وَمَنْ أَفْسَدَ امْرَأَةً عَلَى زَوْجِهِ فَلَيِسْ مَنَّهُ .

“ Sesiapa yang menipu dan merosakkan (hubungan) seorang hamba sahaja dari tuannya, maka ia bukanlah daripada golongan kami, dan siapa yang merosak (hubungan) seorang wanita dari suaminya, maka ia bukan daripada golongan kami”.

(Hadis Riwayat Abu Dawud)

Berdasarkan hadis di atas, para ulama telah bersepakat bahawa hukum mengganggu dan merosakkan hubungan antara seorang isteri atau pun wanita dengan suaminya adalah haram di sisi Islam. Maka oleh itu, bagi sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan itu, ia akan mendapat dosa dan diancam dengan seksaan di akhirat kelak. Bahkan, Imam Al-Haithami mengkategorikan perbuatan ini sebagai perbuatan yang berdosa besar dan beliau menyenaraikan perbuatan ini dalam dosa besar yang ke 257 dan 258 dalam kitabnya Al-Zawajir an Iqtiraf Al-Kabair iaitu merosakkan hubungan antara isteri daripada suaminya. Alasannya Nabi s.a.w menyokong dengan hadis ini dan mengutuk perbuatan merosakkan hubungan ini daripada bagian umat beliau dan ianya terhitung dalam kategori ancaman berat. Para ulama sebelumnya juga mengkategorikan perkara ini dengan jelas sebagai dosa besar [7].

Peruntukan Undang-undang Berkaitan Orang Ketiga

Jenayah secara umumnya merupakan satu perbuatan yang jahat dan kesalahannya adalah besar. Perbuatan jenayah ini perlu ditegah dengan kerasnya kerana ianya secara terang-terangan adalah perbuatan yang salah. Perbuatan menghasut, memujuk serta menggoda suami atau isteri merupakan suatu kesalahan jenayah dengan mengganggu keharmonian rumah tangga. Golongan mahupun individu yang terlibat dalam pencerobohan rumah tangga perlu menerima balasan yang setimpal dengan perbuatan yang telah dilakukan.

Di dalam mana-mana peruntukan undang-undang tidak terdapat peruntukan yang khusus mengaitkan pihak ketiga atas pembabitan secara langsung atau tidak langsung sehingga menyebabkan berlakunya perceraian. Manakala di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam juga tidak terdapat sebarang peruntukan yang khusus di mana yang membolehkan isteri yang bercerai disebabkan pihak ketiga menyaman pihak ketiga tersebut. Namun ianya wujud di dalam Enakmen Jenayah Syariah Selangor [8] yang ada memperuntukkan berkaitan orang ketiga di bawah kesalahan pelbagai bahagian V. Ianya terdapat tiga seksyen yang berkaitan orang ketiga di dalam Enakmen Jenayah Syariah (EJSS) iaitu dibawah seksyen 32, seksyen 33 dan seksyen 34 seperti berikut :

Seksyen 32 : memperuntukan perihal memujuk lari perempuan yang telah mempunyai suami dengan pelbagai cara supaya meninggalkan suaminya.

“mana-mana orang yang memujuk lari seseorang perempuan bersuami atau membawanya pergi atau dengan apa-apa cara lain mempengaruhinya supaya meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya perempuan bersuami itu kembali kepada suaminya”.

Berdasarkan peruntukan seksyen ini mana-mana orang yang memujuk atau mempengaruhi perempuan atau isteri yang telah bersuami supaya meninggalkan suaminya dengan pelbagai cara dan menyebabkan perempuan atau isteri tersebut meninggalkan tanggungjawabnya dan suaminya. Jika disabit kesalahan orang ketiga tersebut boleh didakwa dibawah seksyen ini dengan denda bayaran sebanyak lima ribu ringgit atau penjara atau kedua-dua sekali [8].

Seksyen 33 : memperuntukan perihal seseorang yang menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada meneruskan hidup sebagai suami isteri.

“mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan yang sudah bernikah dengan sah daripada hidup sebagai suami isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup sebagai pasangan suami isteri yang sudah bernikah dengan sah”.

Berdasarkan seksyen ini, sesiapa sahaja yang menghalang pasangan yang telah bernikah secara sah daripada hidup sebagai suami isteri dan ianya merupakan suatu kesalahan yang mana apabila sabit boleh didenda atau dipenjara sebanyak mana yang telak diperuntukan.

Seksyen 34 : memperuntukan perihal seseorang yang menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan tanggungjawab seorang suami atau isteri.

“mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan atau tanggungjawabnya kepada isteri atau suami atau keluarganya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Berdasarkan peruntukan ini pula sesiapa sahaja sama ada lelaki atau perempuan yang menghasut atau memaksa atau memujuk suami atau isteri supaya bercerai dan meninggalkan suami atau isteri,

keluarga serta tanggungjawabnya. Perbuatan ini merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh didakwa di bawah seksyen ini.

Oleh itu, jelas bahawa undang-undang berkaitan orang ketiga dalam rumah tangga sebenarnya ada diperuntukkan di dalam undang-undang EJSS [8] di bawah seksyen 32 hingga 34. Namun, peruntukan ini tidak diguna pakai oleh masyarakat pada hari ini oleh kerana ramai yang tidak menyedari hak peruntukan yang diputuskan oleh badan perundangan. Hal ini dikuatkan lagi dengan tiada sebarang kes yang direkodkan dimahkamah syariah dibawah seksyen 32, 33, dan 34 EJSS 1995. Peruntukan ini diguna pakai untuk kekasih gelap atau [10] bekas kekasih suami atau isteri, ibu bapa, mertua, ipar duai, sepupu, dan sebagainya yang boleh dikategorikan sebagai orang ketiga yang melakukan pencerobohan dalam rumah tangga.

Enakmen negeri-negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama ialah seksyen 30, 31, dan 32 Enakmen Jenayah Syariah 1992 Perak, seksyen 8 dan 17 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 Kedah, seksyen 36, 37, dan 38 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996 Pulau Pinang, seksyen 8 dan 16 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1991 Perlis, seksyen 36, 37 dan 38 Akta kesalahan Jenayah Syariah 1997 Wilayah Persekutuan, seksyen 73 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1991 Melaka, seksyen 36, 37 dan 38 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Johor, seksyen 74, 76, 77 Enakmen Jenayah Syariah 1992 Negeri Sembilan, seksyen 8 dan 17 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 Kelantan, seksyen 43,44 dan 45 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2001 Terengganu, seksyen 43,44,45,dan 46 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 Pahang, seksyen 86 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Sabah, seksyen 33,34, dan 35 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 Sarawak.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah berbentuk kualitatif dengan menggunakan dua kaedah. Metod yang pertama ialah kajian perpustakaan iaitu pengumpulan data, kedua dengan mengambil pendekatan menganalisis data berdasarkan kes-kes di Mahkamah Rendah Syariah. Kajian ini juga merujuk kepada kajian-kajian lepas serta merujuk kepada akta dan statut yang terdapat di perpustakaan dan Jabatan Kehakiman. Kaedah ini dilakukan adalah untuk mengesan kepenggunaan undang-undang terhadap orang ketiga dalam rumah tangga melalui fail fakta-fakta kes di Mahkamah Rendah Syariah. Ini kerana, kaedah ini menjadi salah satu sumber yang penting dan merupakan sumber primer dalam kajian kualitatif [6].

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat pelaksanaan undang-undang dalam menangani gejala orang ketiga dalam rumah tangga yang mana boleh menyebabkan berlakunya perpecahan dalam sesebuah institusi perkahwinan.Namun begitu, kebanyakan dalam kes perceraian yang berlaku pada hari ini bukan hanya penglibatan orang ketiga dalam rumah tangga tersebut. Bahkan, pelbagai tuntutan yang dikemukakan sebagai alasan bagi mendapatkan kebenaran untuk berceraian, mahupun tuntutan itu rasional atau pun tidak. Namun, didalam kertas kerja ini menfokuskan perceraian yang melibatkan penglibatan orang ketiga atau alasan yang dikemukakan dengan kewujudan orang ketiga dalam rumah tangga sehingga berlaku perceraian atau pun hampir berlaku perceraian. Perceraian yang berlaku atau rumah tangga bergolak disebabkan orang ketiga sebenarnya boleh didakwa dibawah seksyen 32, 33 dan 34 Enakmen Jenayah Syariah 1995. Jika sabit kesalahan boleh didenda maksima lima ribu ringgit, atau penjara maksima dalam tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Sebagaimana dalam kes Nasir *Affendi bin Mohamad Zakaria lwn. Puteri Nilam Puri bt Megat Yusoff* (No kes : 08001/058/0147/2008)[9] Berdasarkan kes ini pada awalnya, pasangan suami dan isteri tersebut sudah tidak mempunyai perasaan atau masing-masing tidak mendapat perhatian daripada pasangan. Disebabkan itu, si isteri telah mengadakan hubungan sulit dengan rakan sepejabat. Apabila suami mula menghidu kecurangan yang dilakukan oleh isteri, suami bertindak untuk melaporkan ke pihak mahkamah. Semasa di dalam proses perbicaraan, isterinya juga telah mendakwa bahawa suaminya juga terlibat dengan hubungan dengan seorang perempuan diluar. Oleh kerana wujud suasana yang menunjukkan tidak ada persefahaman antara keduanya dan berpuncanya daripada pihak ketiga maka berlakulah perceraian.

Manakala dalam kes *Wan Norishamudin Bin Wan Din lwn. Khairulliza Bt Ahmad Johari* (No Kes: 08001/058/0533/2011)[10]. Kes ini melibatkan pengabaian tanggungjawab seorang isteri dan sebagai seorang ibu. Walaubagaimana pun, si suami telah mencari jalan untuk menyelamatkan perkahwinannya. Namun, disebabkan si isteri telah dipengaruhi oleh pihak ketiga, si isteri tidak termakan dengan pujuhan suami untuk berbaik semula akan tetapi isterinya bertindak sebaliknya dengan memilih lelaki lain. Berdasarkan fakta kes yang telah dinyatakan, didapati pihak suami telah mengemukakan bukti yang ditemuinya. Bukti tersebut ditemui melalui mesej (pesanan ringkas) yang juga merupakan salah satu elemen yang kuat membolehkan hal ini dibicarakan. Namun, jika merujuk undang-undang yang ada berkaitan orang ketiga tersebut boleh didakwa dibawah seksyen 32 dan34 yang mana ia menyebut seksyen 32 ‘memujuk lari perempuan bersuami’ dan seksyen 34 ‘menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan’.

Seterusnya, kes *Fauzy Omar Basher bin Othman lwn. Sarah Nur bt Shamsudin* (No Kes : 08001/058/0483/2007)[11]. Fakta kes, plaintiff mendapat tahu bahawa defendant ada membuat hubungan dengan lelaki lain yang juga merupakan seorang doktor ditempat defendant bertugas sebagai doktor. Apabila diminta penjelasan oleh plaintiff, pihak defendant mengaku bahawa mempunyai hubungan dengan lelaki tersebut. Pihak plaintiff telah mengemukakan hal ini kepada mahkamah dan pihak defendant tidak membuat pembelaan keatas dirinya. Oleh yang demikian, pihak mahkamah telah mensabitkan nusyuz keatas defendant mengikut seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Defendant merupakan soerang isteri telah bekerja sebagai doktor yang mana penempatannya diluar Negara dan suaminya mendapat tahu isterinya mempunyai hubungan sulit dengan rakan sekerja ditempat kerjanya. Setelah diasak oleh suaminya kerana perubahan sikap dan kemudian isterinya mengaku mempunyai hubungan dengan kawan sekerjanya. Oleh kerana itu, antara suami dan isteri tadi hidupnya terhalang sebagai suami isteri kerana pengaruh rakan sekerja isterinya. Hal ini sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 33 EJSS 1995 boleh disabitkan dibawah seksyen 34 kerana mempengaruhi wanita mengabaikan tanggungjawabnya.

Dalam Kes *Hairulhazi Bin Talib lwn Liz Suriani Bt Abdul Jamal* (No Kes : 10001/058/1462/2016)[13] fakta kes, Plaintiff menyatakan defendant telah mengadakan hubungan dengan lelaki lain. Defendant juga telah menyalahgunakan kebenaran keluar untuk berkerja dengan melakukan maksiat. Dalam masa yang sama, defendant bertindak menipu dan berpura-pura dalam menyalahgunakan wang simpanan plaintiff. Plaintiff telah bertindak dengan melarang defendant untuk keluar rumah, namun defendant telah ingkar dengan perintah plaintiff. Defendant juga telah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dan ibu dengan mengabaikan anak-anak mereka. Walaubagaimanapun, plaintiff masih menyayangi hubungan terhadap defendant dan Mahkamah meluluskan permohonan plaintiff berdasarkan seksyen 61(3)(b)(i) pentadbiran agama Islam negeri Selangor (pindaan) no.2 2015. Dengan itu, mahkamah telah mensabitkan bahawa defendant telah nusyuz dan diperintahkan untuk kembali taat kepada plaintiff. Berdasarkan tindakan pihak isteri yang bertindak menipu, menyalahguna wang simpanan suami, ingkar kepada perintah suami dan mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang isteri kepada suaminya serta seorang ibu kepada anak.

Pihak ketiga yang telah mengadakan hubungan dengan isteri kepada plaintiff ini boleh didakwa dibawah seksyen 32 dan 34 EJSS (1995). Sebagaimana dirujuk seksyen 32 ‘memujuk lari perempuan bersuami’, pihak isteri dalam kes ini telah ingkar dengan perintah suami supaya tidak keluar rumah dan seksyen 34 ‘mengasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan, dengan perbuatan isterinya yang mengabaikan tanggungjawabnya sebagai isteri dan ibu.

Kes *Nur Wajadiah bt Razali Iwn Zulkifli bin Abu* (No kes : 10016/054/0498/2017) [13] Berdasarkan daripada kes ini, isteri dinyatakan mempunyai hubungan dengan lelaki lain dan suaminya dapat menghidu perlakuan sang isteri dibelakangnya. Disebabkan rasa syak terhadap isterinya, suami telah melafazkan ta’liq terhadap isterinya dengan anggapan untuk menakut-nakutkan si isteri supaya berkata jujur. Apabila si isteri merasa tidak aman dengan lafadz yang telah dilafazkan oleh si suami, isterinya mengaku mempunyai hubungan dibelakang suaminya, serta merta ta’liq yang telah dilafazkan itu sempurna dan disahkan oleh mahkamah. Kemunculan orang ketiga sedikit sebanyak telah memainkan peranan yang besar dalam isu rumahtangga sehingga membuatkan sesebuah institusi perkahwinan itu berkahir dengan perceraian. Walaubagaimana pun, orang ketiga itu sebenarnya boleh didakwa dibawah Enakmen Jenayah Syariah EJSS 1995 mengikut negeri masing-masing.

Berdasarkan kes-kes yang telah dinyatakan diatas, perceraian yang berlaku adalah berpuncak daripada penglibatan pihak ketiga yang wujud dalam suatu institusi perkahwinan. Tidak dinafikan banyak kes rumahtangga yang dilaporkan berakhir dengan perceraian dan tidak menjadi punca utama perceraian itu hanya semata disebabkan orang ketiga. Pelbagai alasan yang boleh menjadi faktor kepada perceraian. Meskipun kes orang ketiga ini masih tidak mempunyai rekod pada hari ini, adakah masyarakat hanya perlu berdiam diri dan membiarkan pihak ketiga ini dibebaskan begitu sahaja? Oleh demikian itu, masyarakat hari ini perlu bertindak dalam menangani gejala ini dan tidak memberi ruang kepada golongan-golongan org ketiga mengasut pasangan suami mahupun isteri. Hal ini terbukti dengan tiada pendakwaan yang dibuat di mahkamah syariah berdasarkan tiada kes yang direkodkan di mahkamah rendah syariah khususya dan Selangor amnya.

Masyarakat hari ini perlu mengetahui bahawa seseorang yang merosakkan hubungan sesama muslim ini sama ada antara suami isteri, ibu bapa, mahu pun sedara mara merupakan kesalahan yang tergolong dalam kategori dosa-dosa besar sebagaimana yang telah dinyatakan di awal perbincangan ini.

5. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, matlamat sebenar dalam perkahwinan adalah mencari ketenangan dalam berpasangan. Masing-masing perlu memainkan peranan tanggungjawab masing-masing sebagai suami dan isteri sebagaimana yang telah digariskan dalam Islam seperti bertolak-ansur dengan pasangan. Penglibatan orang ketiga merupakan satu ujian dalam berumahtangga. Namun, istilah bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi bahkan sebaliknya. Apa-apa pun bergantung kepada pasangan suami isteri dalam menghadapi rintangan dalam berumahtangga. Orang ketiga ini tidak dikhususkan kepada individu tertentu sahaja, akan tetapi melibatkan semua individu yang dikenali atau pun tidak dikenali. Malah ibubapa juga boleh dikategorikan sebagai penghalang dalam sesebuah keluarga. Justeru itu, kewujudan enakmen berkaitan orang ketiga ini perlu diperluaskan kepada masyarakat supaya sebagai langkah berhati-hati dalam pergaulan antara suami isteri orang atau dengan masyarakat. Untuk membina keluarga yang sakinah mawaddah dan rahmah memerlukan pengorbanan yang besar dalam keluarga itu sendiri. Pelbagai kisah dan teladan yang diperlu dicontohi dan diteladani daripada kisah-kisah para-para Nabi dan banyak mendekatkan diri kepada Pencipta supaya bermampu bersabar dalam menghadapi segala ujian yang sedang atau bakal dilalui

Rujukan

- [1] Muhamad Som Sujiman & Abdul Basir Mohamad. 2006. "Fikah kekeluargaan". Terbitan: Iium Press, International Islamic Universiti Malaysia
- [2] Raihanah Azahari, 2008. "Sulh dalam kes kekeluargaan Islam". Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- [3] Hasniah Hassan, 2005. "Keberkesanan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979 : Dalam menangani masalah perceraian dalam kalangan orang islam kedah". Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam Ukm Bangi Selangor.
- [4] Mat Saad Abd Rahman, 2013. "Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa". Petaling Jaya. Penerbit: Intel Multimedia & Publication.
- [5] Siti Zalikha Md Nor, 1992. "Kaunseling perkahwinan menurut perspektif islam". Petaling jaya. Budaya Ilmu Sdn.Bhd
- [6] Zaini Yusnita Mat Jusoh & Zanariah Dimon, 2014. "Undang-Undang Menangani Orang Ketiga Dalam Rumah Tangga : Satu Sorotan Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri Selangor Dan Undang-Undang Keluarga Sivil". International Research Management And Innovation Conference, Kuala Lumpur. 220-234.
- [7] Ibn hajar al-Haythami, 2005. "Az-zawajir 'an Iqtiraaf al-Kabair". Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut.
- [8] Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995.
- [9] Amir Fariz Che Man, 2013, "Pensabitan Nusyuz Isteri di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak". Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam,Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [10] Musa Awang.2013,Orang Ketiga Boleh Di Hukum. Harian Metro Khamis 11 April 2013.
- [11] Muhammad Mustafa Al-Zuhaily, 2012. Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafie. Kuala Lumpur. Persekutuan Seruan Islam Selangor.
- [12] Noor Aziah. 2010. Utusan malaysia 3 Mac 2010.
- [13] Mahkamah Rendah Syariah Selangor.